

22/11/1998

Cosmopoint sedia pakar MSC

Halmi Samad

KEKURANGAN tenaga pakar dalam bidang pelbagai profesyen multimedia boleh merencatkan perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC) cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru, Cosmopoint Sdn Bhd, salah satu institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini, memandang serius keperluan penyediaan tenaga pakar dalam bidang multimedia, selain menganggapnya satu cabaran menjelang alaf baru.

Kerana itu, berita negara memerlukan lebih 35,000 pekerja mahir untuk terbabit dalam pelbagai bidang MSC menjelang 2003, dianggap satu pengumuman menarik.

Apatah lagi, Cosmopoint yang diasaskan Idrus Mohd Satha, pemegang ijazah sarjana dalam Sistem Maklumat Komputer Universiti Evansville, Amerika Syarikat, kini menumpu sepenuh perhatian terhadap pengajian komputer multimedia.

Malah, institut itu yang bakal melahirkan 7,000 graduan pelbagai bidang komputer dan multimedia secara berperingkat pada tempoh lima tahun, memilih tokoh akademik terulung negara iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz, untuk menerajunya.

"Kami memandang serius pengumuman negara memerlukan 35,000 pekerja mahir dalam pelbagai bidang komputer dan MSC menjelang 2003. Kami anggap itu perkembangan yang menarik.

"Bagi kami di Cosmopoint memang itulah matlamat kami. Kami mahu melahirkan seberapa ramai graduan komputer multimedia yang berkualiti. Ia sejajar dengan matlamat kami untuk muncul penyumbang tenaga pakar IT nombor satu di Malaysia," kata Ketua Unit Jabatan Perhubungan Awamnya, Nor Azlan Kassim, ketika ditemui, baru-baru ini.

Buat masa ini, lebih daripada 100 syarikat korporat terkemuka dan agensi kerajaan memberi kepercayaan dengan menghantar pekerja mereka menjalani latihan intensif dalam bidang komputer di Cosmopoint.

Cosmopoint juga diiktiraf Kementerian Pendidikan. Ia juga menjalin hubungan dua hala dengan Kerajaan Scotland untuk mengeluarkan diploma eksternal. Kawalan mutu pula dikendalikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Untuk tujuan itu, ia bekerjasama dengan Majlis Pendidikan Vokasional Scotland (Scotvec) menerusi Kolej James Watt yang berusia 100 tahun. Diploma eksternal itu bersamaan dengan tahun satu universiti di Britain dan diiktiraf di seluruh Eropah.

Penuntut Cosmopoint yang memiliki ijazah berkenaan boleh menyambung pelajaran ke peringkat ijazah. Cosmopoint, pemenang Anugerah Produk Multimedia Terbaik 1997 (Pikom), juga mempunyai rangkaian pusat IT terbesar di Malaysia.

Ketika ini, institusi terbabit memiliki cawangan di Kuala Lumpur (di Wisma Sachdev), Selangor (Wisma Y S Tan, Klang), Negeri Sembilan (Seremban); Perak (Ipoh), Johor (Johor Bahru) dan Kedah (Sungai Petani).

Ia merancang membuka sekurang-kurangnya lima cawangan kampus baru di Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Melaka. Bagaimanapun, keutamaan ditumpukan kepada Pantai Timur, khususnya Pahang.

Bagi menjamin kesinambungan graduan pelbagai bidang komputer, Cosmopoint menawar pengajian sepenuh dan separuh masa. Penuntut sepenuh masa dalam pengajian Diploma Teknologi Maklumat dan Diploma Komputer dan Pengurusan, perlu menghabiskan pengajian dalam tempoh empat semester iaitu dalam

jangkamasanya 16 bulan.

Penuntut akan dikenakan yuran pendaftaran RM100 manakala kadar yuran pengajian boleh dilunaskan sama ada dalam bentuk sekali gus atau ansuran. Kadar yuran peperiksaan pula ialah RM25 bagi setiap matapelajaran.

Mereka yang mengikuti pengajian secara separuh masa pula perlu menambah satu semester lagi. Mereka yang berminat untuk mendapatkan Ijazah Lanjutan Teknologi Perisian boleh berbuat demikian di Cosmopoint.

Tujuan Ijazah Lanjutan Teknologi Perisian ialah untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pemahaman yang lebih berkesan serta mendalam dalam pembangunan Sistem Maklumat, khususnya kaedah analisis dan rekabentuk aplikasi menggunakan pangkalan data (relational database).

Menurut Nor Azlan, Cosmopoint yang mula beroperasi sejak Oktober 1991 dan memiliki lebih 200 pensyarah berkelayakan turut menawarkan kursus Diploma Komputer Grafik & Senireka, Diploma Multimedia (kawalan mutu oleh UKM); Diplomas Aplikasi Multimedia (pengaturcaraan) dan Diploma Multimedia (animasi).

Mengenai kemudahan komputer, beliau berkata, ia memberikan kemudahan 'satu komputer satu pelajar', selain perpustakaan, klinik pengurusan cakera liut dan aplikasi hompej.

"Kami juga sudah menghasilkan CD-ROM yang bertajuk 'Windows To Malaysia' yang dilancarkan oleh Dr Mahathir pada Disember 1996. Cosmopoint adalah syarikat tempatan pertama berbuat demikian.

"Selepas ini, kami bercadang untuk mengeluarkan CD-ROM bertajuk 'Mahathir: CEO, Malaysia Inc.'. Ia berkisar kehidupan Dr Mahathir sejak menjadi Perdana Menteri 17 tahun lalu," katanya.

Mereka yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di Cosmopoint boleh menelefon 03-2949455, 03-2949477 (faks) atau [www.cosmopoint.com.my](http://www.cosmopoint.com.my).

(END)